



DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (Jawatan Kosong)

Permohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

Bil. Iklan: DBKU/4/2021

- 1 a) **Jawatan:** Penolong Jurutera JA29
b) **Jabatan:** Dewan Bandaraya Kuching Utara
c) **Kumpulan Perkhidmatan:** Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)
d) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Perkhidmatan Kejuruteraan
e) **Bahagian Yang Memerlukan:** Bahagian Mekanikal Dan Elektrikal

2. **Jadual Gaji Penolong Jurutera Gred JA29:-**

Gaji Minimum

RM 1,549.00

Gaji Maksimum

RM 5,701.00

3. **Antara Skop Tugas Utama**

- a) Membantu dalam pengurusan dan pentadbiran Unit Kenderaan dan Mesin Ringan.
- b) Membantu menyediakan dan menyemak dokumen tender serta spesifikasi khas untuk kenderaan, jentera dan mesin ringan dan penilaian tender.
- c) Membantu dalam membuat penilaian prestasi kontraktor bagi kontrak yang tamat tempoh dan penilaian prestasi kontraktor pada tahap proses pembayaran melalui kaedah 'service order'
- d) Memantau dan mengurus proses penyelenggaraan kenderaan rasmi, mesin ringan rasmi serta pembelian kenderaan/jentera & mesin ringan DBKU.
- e) Menyelia dan memantau urusan pelupusan kenderaan, mesin ringan dan alat ganti kenderaan.
- f) Memantau/menyelia dan membuat kawalan ke atas penggunaan dan permohonan bahan bakar dan minyak pelincir, pembelian bahan bakar, menyemak tuntutan penggunaan bahan bakar untuk pembayaran dan sebagainya.
- g) Lain-lain tugas atas arahan pihak pengurusan dari masa ke semasa.

4. **Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Berumur tidak kurang dari 23 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- b) Sijil dalam bidang **Kejuruteraan Mekanikal** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM 1,549.00] atau

- c) Diploma dalam bidang **Kejuruteraan Mekanikal** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

[Gaji permulaan ialah pada Gred JA19: RM 1,935.02]

- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

Taraf Jawatan : Kontrak

Cara Memohon:

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat tersebut, adalah dipelawa untuk menghantar permohonan dengan **menulis surat besertakan 'resume' yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja beserta sijil-sijil yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada:-**

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Dewan Bandaraya Kuching Utara
Tingkat 3, Bangunan DBKU
Bukit Siol, Jalan Semariang
Petra Jaya, 93050 Kuching

Pemohon daripada kakitangan kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan perkara berikut:-

- a) Laporan Sulit
- b) Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terakhir
- c) Salinan Kenyataan Perkhidmatan

Tarikh Akhir Permohonan : 14 Julai 2021

Catatan Am:

- (i) Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dan tidak memberi maklumat dengan lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenaraitapis sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.